

1103/1

Bahasa Melayu

Kertas 1

Ogos

2019

2 $\frac{1}{4}$ jam



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN**

=====

**PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5
SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI SEMBILAN 2019**

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **dua** bahagian : **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan **satu** soalan daripada **Bahagian B**.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

[*Lihat halaman sebelah*]

Bahagian A



[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Gambar di bawah ini menunjukkan sebahagian daripada aktiviti Hari Keusahawanan yang diadakan di sekolah.

Huraikan pendapat anda tentang **manfaat menganjurkan Hari Keusahawanan di sekolah.**

Panjangnya huraian hendaklah **antara 200 hingga 250 patah perkataan.**

HARI KEUSAHAWANAN DI SEKOLAH

- **Memupuk semangat berniaga**
- **Mendedahkan murid tentang perniagaan**
- **Memupuk nilai-nilai murni**

Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada **350** patah perkataan.

- 1 Kejayaan cemerlang seseorang murid banyak bergantung pada amalan disiplin yang tinggi. Bincangkan.
- 2 Ibu bapa memainkan peranan utama dalam pembentukan keluarga bahagia. Berikan pendapat anda.
- 3 Kes kemalangan jalan raya menggusarkan banyak pihak terutamanya kerajaan dan ahli keluarga yang terlibat. Sebagai ketua polis daerah, anda diminta menyampaikan ceramah yang bertajuk 'Punca dan Cara untuk Menangani Kes Kemalangan Jalan Raya'. Sediakan teks ceramah tersebut.
- 4 Menguasai pelbagai bahasa amat penting terutama dalam dunia tanpa sempadan. Banyak faedah yang diperolehi jika kita menguasai pelbagai bahasa asing. Ulaskan pernyataan ini.
- 5 *Sedikit-sedikit, lama-lama menjadi bukit.*
Peribahasa di atas bermaksud melakukan sesuatu pekerjaan secara sedikit-sedikit yang akhirnya akan memberikan hasil yang banyak.
Tulis sebuah cerpen berdasarkan peribahasa tersebut.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT